

**ENAKMEN PENTADBIRAN
MAHKAMAH SYARIAH 1982**

**KAEDAH-KAEDAH
PEGUAM SYARIE
2000**

ENAKMEN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH 1982

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE 2000

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN JAWATANKUASA KELAYAKAN DAN TATATERTIB PEGUAM SYARIE

3. Penubuhan Jawatankuasa.
4. Keanggotaan Jawatankuasa.
5. Penamatan perlantikan dan perletakan jawatan.
6. Mesyuarat Jawatankuasa.
7. Fungsi-Fungsi Jawatankuasa.

BAHAGIAN III
PEGUAM SYARIE

8. Penerimaan masuk Peguam Syarie.
9. Kelayakan Peguam Syarie.
10. Permohonan.
11. Bantahan.
12. Keputusan.
13. Daftar Peguam Syarie.
14. Rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa.
15. Hak-hak seseorang Peguam Syarie.

BAHAGIAN IV
TATATERTIB

16. Semua Peguam Syarie di bawah kawalan Jawatankuasa.
17. Aduan terhadap seseorang Peguam Syarie.
18. Kuasa Jawatankuasa untuk membuat perintah.
19. Rayuan terhadap perintah Jawatankuasa kepada Mahkamah Rayuan Syariah.
20. Perintah Jawatankuasa hendaklah mengandungi pernyataan tentang dapatannya, dsb.
21. Peguam Syarie boleh memohon supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar.

BAHAGIAN V
PERUNTUKAN AM

- 22. Mengemukakan Sijil Peguam Syarie.
- 23. Keesahan dan pembaharuan Sijil Peguam Syarie.
- 24. Sekatan.
- 25. Pembatalan.

JADUAL

BORANG A

BORANG B

BORANG C

ENAKMEN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH 1982

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE 2000

En.3/82 PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 18(6)
Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982, Raja membuat kaedah-
kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan
mula berkuat-
kuasa

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Peguam
Syarie 2000 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1
Februari 2000.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya
menghendaki makna yang lain –

“ Daftar ” ertinya Daftar Peguam Syarie yang disebut dalam
kaedah 13 ;

“ Enakmen ” ertinya Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah
1982 ;

“ Jawatankuasa ” ertinya Jawatankuasa Kelayakan dan Tata tertib Peguam Syariah yang ditubuhkan di bawah kaedah 3 ;

“ Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah ” ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah perenggan 7(1)(d) Enakmen ;

“ Pendakwa Syariah ” ertinya pegawai yang dilantik sebagai yang sedemikian di bawah perenggan 7(1)(c) Enakmen ;

“ Mahkamah ” atau “ Mahkamah Syariah ” ertinya Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah bagi Negeri Kelantan yang ditubuhkan di bawah perenggan 8(1)(c) dan (b) Enakmen masing-masingnya ;

“ Mahkamah Rayuan Syariah ” ertinya Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri Kelantan yang ditubuhkan di bawah perenggan 8(1)(a) Enakmen;

En. 4/94

“ Majlis ” ertinya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 ;

Akta 166 “ peguambela dan peguamcara ” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 ;

“ Peguam Syarie ” seseorang yang diterima masuk sebagai Peguam Syarie di bawah kaedah 8 ;

“ peperiksaan ” termasuklah ujian lisan ;

“ peperiksaan Sijil Peguam Syarie ” ertinya peperiksaan yang dijalankan di bawah kaedah 7.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN JAWATANKUASA KELAYAKAN DAN TATATERTIB PEGUAM SYARIE

Penubuhan Jawatankuasa 3. Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kelayakan dan Tatatertib Peguam Syarie yang akan menguruskan perkara-perkara yang berhubungan dengan kelayakan dan tatatertib Peguam Syarie di Negeri Kelantan.

Keanggotaan Jawatankuasa 4. (1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada –
(a) Ketua Hakim Syarie yang hendaklah menjadi Pengerusi;

- (b) Pendakwa Syarie;
- (c) tiga orang lain yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan; dan
- (d) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah sebagai Setiausaha.

(2) Anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(c) hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua tahun dan layak dilantik semula.

Penamatan
perlantikan
dan perletakan
jawatan

5. (1) Perlantikan anggota-anggota Jawatankuasa di bawah perenggan 4(1)(c) boleh pada bila-bila masa ditamatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan tanpa memberi apa-apa sebab mengenainya.

(2) Seseorang anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(c) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan dengan memberikan suatu notis kepada Pengerusi Jawatankuasa.

Mesyuarat
Jawatankuasa

6. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

(2) Tiga orang anggota yang hadir, yang hendaklah termasuk Pengerusi, adalah membentuk kuorum sesuatu mesyuarat.

(3) Keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat secara syura.

(4) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini Jawatankuasa boleh menetapkan prosedurnya sendiri.

Fungsi-fungsi
Jawatankuasa

7. Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut, iaitu:

(a) untuk menjalankan peperiksaan Sijil Peguam Syarie dan semua perkara lain yang perlu bagi atau bersampingan dengan peperiksaan itu, termasuklah –

(i) menyediakan dan menerbitkan sukatan pelajaran bagi peperiksaan;

(ii) menetapkan tarikh peperiksaan;

(iii) menyediakan atau menilai soalan-soalan dan memeriksa kertas-kertas peperiksaan, jika berkenaan;

- (b) untuk menjalankan kawalan tatatertib ke atas Peguam Syarie.

BAHAGIAN III

PEGUAM SYARIE

Penerimaan
masuk Peguam
Syarie

8. Tertakluk kepada Bahagian ini, seseorang Peguam Syarie hendaklah diterima masuk oleh Ketua Hakim Syarie di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah, mengikut prosedur yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie.

Kelayakan
Peguam Syarie

9. Seseorang boleh diterima menjadi Peguam Syarie jika dia –
- (a) (i) seorang Islam dan mempunyai kelayakan yang ditetapkan di bawah seksyen 18(2) Enakmen;
- (ii) seorang Islam yang menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan;
- (iii) seorang Islam yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971;

(iv) seorang Islam yang menjadi peguambela dan
peguamcara yang didaftarkan di bawah Akta
Profesion Undang-Undang 1976;

(b) telah mencapai umur dua puluh satu tahun;

(c) berkelakuan baik dan –

(i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-
mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah;
dan

(ii) tidak pernah dihukum menjadi seorang bankrap;

(d) seorang Warganegara Malaysia; dan

(e) dalam hal seorang peguambela dan peguamcara, telah lulus
peperiksaan Sijil Peguam Syarie.

Permohonan 10. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk diterima sebagai
Peguam Syarie hendaklah membuat permohonan dengan menggunakan
Borang A dalam Jadual kepada Kaedah-Kaedah ini.

(2) Tiap-tiap permohonan hendaklah dialamatkan kepada Ketua Hakim Syarie dengan melampirkan salinan dokumen-dokumen yang perlu dan hendaklah disertakan dengan fee permohonan sebanyak dua puluh ringgit.

(3) Pemohon hendaklah menyebabkan ditampalkan suatu salinan permohonannya di tiap-tiap Mahkamah di Negeri Kelantan bagi suatu tempoh selama empat belas hari selepas permohonannya dihantarserahkan kepada Ketua Hakim Syarie.

Bantahan 11. Apa-apa bantahan mengenai permohonan atau penerimaan masuk seseorang Peguam Syarie hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Ketua Hakim Syarie dengan alasan-alasan bagi bantahan itu.

Keputusan 12. (1) Ketua Hakim Syarie hendaklah, dalam masa tujuh hari dari tarikh dia membuat keputusan mengenai permohonan itu, menyampaikan keputusan itu kepada pemohon dan tiap-tiap Mahkamah di Negeri Kelantan.

(2) Ketua Hakim Syarie boleh mengeluarkan kepada pemohon, Sijil Peguam Syarie seperti dalam Borang B dalam Jadual selepas pemohon, dalam masa empat belas hari dari penerimaan keputusan

Ketua Hakim Syarie, mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan kepada Ketua Hakim Syarie yang berikut:

- (a) nama yang di bawahnya dia bercadang untuk menjalankan amalan atau nama firma, jika ada;
- (b) alamat posnya; dan
- (c) fee pendaftaran sebanyak dua ratus lima puluh ringgit.

Daftar Peguam
Syarie

13. (1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyenggara suatu Daftar Peguam Syarie.

(2) Maka hendaklah dicatatkan dalam Daftar Peguam Syarie-

- (a) nama Peguam Syarie;
- (b) nama yang di bawahnya dia menjalankan amalan atau nama firma;
- (c) alamat posnya; dan
- (d) tarikh penerimaannya.

(3) Jika terdapat apa-apa perubahan mengenai mana-mana butir Peguam Syarie seperti yang dinyatakan dalam subkaedah (2), maka Peguam Syarie itu hendaklah, dalam masa empat belas hari kemudiannya, memberitahu Jawatankuasa dan perubahan itu hendaklah dicatatkan dalam Daftar.

(4) Mana-mana orang boleh memeriksa Daftar dalam waktu pejabat tanpa apa-apa bayaran.

Rayuan terhadap
keputusan
Jawatankuasa

14. (1) Jika seseorang itu terkilan dengan keputusan Ketua Hakim Syarie berhubungan dengan permohonan bagi penerimaan sebagai seorang Peguam Syarie, maka dia boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh keputusan itu diberitahukan kepadanya, merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah.

(2) Ketua Hakim Syarie tidak boleh mengambil bahagian semasa pendengaran rayuan di bawah subkaedah (1).

Hak-hak
seseorang
Peguam
Syarie

15. Tertakluk kepada kaedah-kaedah ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain, tiap-tiap Peguam Syarie berhak hadir dan mewakili kliennya dalam tiap-tiap Mahkamah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

BAHAGIAN IV

TATATERTIB

Semua
Peguam Syarie
di bawah
kawalan
Jawatankuasa

16. (1) Peguam Syarie hendaklah tertakluk kepada kawalan Jawatankuasa dan boleh, apabila sebab yang wajar ditunjukkan, dicela, digantung atau dikeluarkan dari Daftar.

(2) Sebab yang wajar boleh ditunjukkan dengan bukti bahawa Peguam Syarie itu –

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah;
- (b) telah melakukan kesalahan pecah amanah dalam melaksanakan tugas-tugas profesionalnya atau kelakuan fraud atau kelakuan selainnya yang tak sesuai dengan seseorang Peguam Syarie;
- (c) telah memberikan, menjanjikan atau menawarkan mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan kepada atau hadiah bagi mendapatkan pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan bagi dirinya sendiri atau mana-mana Peguam Syarie lain;

- (d) telah secara langsung atau tak langsung mendapatkan atau cuba mendapatkan pekerjaan bagi faedah orang itu atau orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan kepada atau hadiah bagi mendapatkan pekerjaan dalam apa-apa saraan bagi mendapatkan pekerjaan itu telah diberikan olehnya atau dipersetujui atau dijanjikan untuk diberikan sedemikian;
- (e) telah menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan melalui seseorang penarik langganan;
- (f) membenarkan mana-mana kerani atau mana-mana orang lain yang tak diberikuasa untuk mengusahakan atau menjalankan urusan perundangan atas namanya sedangkan kerani atau orang lain yang tak diberikuasa itu tidak berada di bawah kawalan prinsipalnya bagi memastikan dia tidak bertindak tanpa pengawasan yang sepatutnya;
- (g) menjalankan dengan sendiri atau melalui mana-mana orang yang bekerja dengannya apa-apa tred, perniagaan

atau kerjaya yang pada pendapat Jawatankuasa adalah tidak sesuai dengan kedudukannya sebagai Peguam Syarie;

- (h) telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana kaedah-kaedah lain yang dibuat di bawah Enakmen jika pada pendapat Jawatankuasa pelanggaran atau kemungkiran itu memerlukan tindakan tatatertib.

(3) Dalam apa-apa prosiding di bawah Kaedah-Kaedah ini Jawatankuasa boleh, sebagai tambahan kepada fakta-fakta kes ini, mengambil kira kelakuan dan watak orang berkenaan pada masa yang lalu untuk menentukan apakah perintah yang patut dibuat.

Aduan terhadap
seseorang
Peguam Syarie

17. (1) Apa-apa aduan mengenai kelakuan mana-mana Peguam Syarie atas sifat profesionalnya hendaklah dibuat kepada Jawatankuasa.

(2) Mahkamah atau Pendakwa Syarie boleh, pada bila-bila masa, merujuk kepada Jawatankuasa apa-apa maklumat yang menyentuh kelakuan seseorang Peguam Syarie atas sifat profesionalnya.

Kuasa
Jawatankuasa
untuk membuat
perintah

18. Sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan oleh Kaedah-Kaedah ini, Jawatankuasa, apabila mendengar apa-apa permohonan atau aduan yang dibuat kepadanya di bawah Kaedah-Kaedah ini, adalah berkuasa membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dan munasabah, dan apa-apa perintah itu boleh khususnya termasuk peruntukan bagi mana-mana perkara yang berikut :

- (a) memotong daripada Daftar nama Peguam Syarie yang mengenainya permohonan atau aduan itu dibuat;
- (b) menggantung Peguam Syarie itu daripada menjalankan amalan;
- (c) mencela Peguam Syarie itu.

Rayuan terhadap
perintah
Jawatankuasa
kepada
Mahkamah
Rayuan
Syariah

19. Sesuatu rayuan terhadap mana-mana perintah yang dibuat oleh Ketua Hakim Syarie atau Jawatankuasa berkenaan dengan sesuatu permohonan atau aduan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah sama ada atas kehendak pemohon atau Peguam Syarie yang terhadapnya aduan itu dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh Perintah itu.

Perintah
Jawatankuasa
hendaklah
mengandung
pernyataan
tentang
dapatannya,
dsb

20. Tiap-tiap perintah yang dibuat oleh Jawatankuasa mengenai sesuatu permohonan atau aduan yang dibuat kepadanya di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah didahului dengan suatu pernyataan dapatannya berhubungan dengan fakta kes itu dan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa atau oleh mana-mana anggota Jawatankuasa lain yang diberikuasa oleh Jawatankuasa.

Peguam Syarie
boleh
memohon
supaya
namanya
dikeluarkan
daripada
Daftar

21. (1) Mana-mana Peguam Syarie boleh, tertakluk kepada kaedah ini, memohon kepada Jawatankuasa supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar.

(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah disokong dengan suatu affidavit yang hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa tidak kurang daripada dua bulan sebelum permohonan itu didengar.

(3) Jawatankuasa boleh, jika difikirkannya perlu, menghendaki Peguam Syarie itu menyiarkan suatu notis permohonannya supaya namanya dikeluarkan daripada Daftar mengikut apa-apa cara atau bentuk yang diarahkan oleh Jawatankuasa.

BAHAGIAN V
PERUNTUKAN AM

- | | |
|---|--|
| Mengemukakan
Sijil Peguam
Syarie | 22. Tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah mengemukakan Sijil Peguam Syarie jika dikehendaki oleh mana-mana Mahkamah atau Mahkamah Rayuan Syariah. |
| Keesahan dan
pembaharuan
Sijil Peguam
Syarie | <p>23. (1) Tiap-tiap Sijil Peguam Syarie adalah sah bagi suatu tempoh selama satu tahun dari tarikh dikeluarkan.</p> <p style="padding-left: 40px;">(2) Tiap-tiap Sijil Peguam Syarie boleh diperbaharui apabila Ketua Hakim Syarie berpuas hati bahawa pemohon telah membayar fee sebanyak dua ratus lima puluh ringgit dan telah mematuhi kehendak-kehendak Kaedah-Kaedah ini.</p> <p style="padding-left: 40px;">(3) Permohonan bagi memperbaharui Sijil Peguam Syarie di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat dalam Borang C dalam Jadual.</p> |
| Sekatan | 24. Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie melainkan namanya ada dalam Daftar dan dia mempunyai Sijil Peguam Syarie yang sah. |

Pembatalan
Kn.P.U.21/88

25. Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1988 adalah dibatalkan.

JADUAL

ENAKMEN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH 1982

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE 2000

BORANG A
(Kaedah 10)

BORANG PERMOHONAN BAGI PENERIMAAN SEBAGAI SEORANG
PEGUAM SYARIE

Kepada,

Ketua Hakim Syarie,
Negeri Kelantan.

Dengan hormatnya saya memohon diterima sebagai seorang Peguam Syarie dan butir-butir diri saya adalah seperti berikut :

(Hendaklah diisi oleh Pemohon dengan HURUF BESAR)

1. Nama :
2. Nama-nama lain (jika ada) :
3. Jantina :
4. Tarikh Lahir :
5. Tempat Lahir :
6. Bujang/Berkahwin :
7. Kewarganegaraan :

8. Bangsa :
9. Nombor Kad Pengenalan dan warna :
10. Tempat dan Tarikh Pengeluaran Kad Pengenalan :
11. Alamat Urusan Biasa :
12. Nombor Telefon :
13. Alamat Kediaman :
14. Mazhab :
15. Kelayakan :
16. Pengalaman :

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan yang tersebut di atas adalah benar.

Tarikh :

.....

Tandatangan Pemohon

PERINGATAN :

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan-salinan yang diperakui sah sijil-sijil, surat-surat akuan, perakuan-perakuan dan dokumen-dokumen lain yang relevan untuk menyokong permohonannya.

BAGI KEGUNAAN JABATAN SAHAJA

Tarikh diterima :

Keputusan Ketua Hakim Syarie :

Diluluskan :

Ditangguhkan :

Sebab-sebab penangguhan :

Tarikh Pemohon Diberitahu :

Tarikh Penerimaan Fee Pendaftaran :

Nombor Resit :

Dihantar pada :

Dicatatkan dalam Daftar :

Nombor Siri :

ENAKMEN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH 1982

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE 2000

BORANG B
(Kaedah 12(2))

SIJIL PEGUAM SYARIE

Dengan ini diperakukan bahawa –

Nama :

Nombor Siri Pendaftaran :

Alamat :

yang telah mematuhi kehendak-kehendak Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 2000 telah
didaftarkan sebagai seorang Peguam Syarie di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah
Syariah 1982 mulai darihb.....19..... hingga
.....hb.....19.....

METERAI

Tarikh dikeluarkan H
M

.....
Ketua Hakim Syarie
Negeri Kelantan.

ENAKMEN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH 1982

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE 2000
(Kaedah 23(3))

BORANG C

PERMOHONAN MEMBAHARUI SIJIL

Kepada,
Ketua Hakim Syarie,
Negeri Kelantan.

Adalah saya dengan hormatnya pohon membaharui Sijil Peguam Syarie yang telah
tamat tempoh kuatkuasanya pada haribulan..... tahun

2. Kenyataan-kenyataan berhubung dengannya adalah seperti di bawah –

(a) Nama

(b) Nombor Kad Pengenalan

(c) Alamat

(d) Nombor Daftar

(e) Nombor Sijil yang telah tamat tempoh

3. Dengan ini saya mengaku bahawa saya belum pernah dikenakan apa-apa
tindakan berkaitan dengan sijil saya ini.

4. Bersama-sama ini disertakan bayaran sebanyak RM 250.00.

Tarikh :

.....

Tandatangan Pemohon